

MODUL INTENSIF SEJARAH

TEKNIK MENJAWAB
SOALAN KBAT

SPM 2020 / 21
Vesi PKP

Setiap **langkah besar**
selalu dimulai dengan
langkah pertama.



NAMA : _____
SEKOLAH : _____
KELAS : _____
GURU : _____

CARA MUDAH JAWAB SOALAN KBAT

PANDUAN UMUM

1. Terdapat pelbagai cara untuk menjawab soalan KBAT

2. Cara paling mudah ialah, gunakan :

- a. **LAGU SEKOLAH**
- b. **RUKUN NEGARA**
- c. **LAGU NEGERI / LAGU NEGARAKU**
- d. **POLITIK – EKONOMI – SOSIAL – AGAMA (PESA)**
- e. **NILAI MURNI PENDIDIKAN MORAL**

3. Dapat sahaja kertas soalan, terus tulis Lagu Sekolah anda, Rukun Negara, Lagu Negeri anda, Lagu Negaraku, Politik, Ekonomi, Sosial dan Agama dan Nilai Murni Pendidikan Moral pada tempat kosong.
4. Kemudian, gunakan kebijaksanaan anda untuk menggunakan perkataan-perkataan yang ada untuk dijadikan jawapan soalan KBAT
5. Pastikan jawapan KBAT yang anda tulis telah 'di**OLAH**' mengikut **KEHENDAK SOALAN**
6. Jika perlu, tambah lah **HURAIAN** atau **CONTOH** untuk kukuhkan lagi jawapan anda.

PERINGATAN

1. Bukan semua soalan boleh guna kaedah ini
2. Anda perlu bijak **UBAHSUAI** perkataan dan ayat mengikut kehendak soalan
3. Ada soalan KBAT yang tidak boleh guna Lagu Sekolah, TAPI perlukan jawapan **FAKTA** atau **FAKTA + LOGIK**
4. Anda kena fikir sikit jeeee..... Jawapan mesti logik dari segi :
 - a. **MASA BERLAKU**
 - b. **TEMPAT KEJADIAN**
 - c. **ORANG / WATAK**
 - d. **PERISTIWA / CERITA**
5. Ada juga soalan **FAKTA** yang anda boleh 'cuba-cuba' atau 'hentam je' dengan gunakan Lagu Sekolah dan laini-lain
6. Tapi yang logik la yee..... Untung-untung dapat markah. Sikit pun jadi laaa... daripada kosong

CONTOH CARA MENJAWAB SOALAN KBAT

1. Sebelum menjawab, pastikan dahulu soalan mana yang boleh dijawab dengan menggunakan kaedah ini.
2. Baca soalan betul-betul.
3. Bila dah faham soalan, baru pilih jawapan dari :
 - a. **LAGU SEKOLAH**
 - b. **RUKUN NEGARA**
 - c. **LAGU NEGERI / LAGU NEGARAKU**
 - d. **POLITIK – EKONOMI – SOSIAL – AGAMA (PESA)**
 - e. **NILAI MURNI PENDIDIKAN MORAL**

4. Anda boleh saja gabungkan semua jawapan di atas. Tapi pastikan jawapan itu betul dengan kehendak soalan.
5. Anda boleh menulis jawapan sama ada :
 - a. **SEMUA ISI**
 - b. **ISI + HURAIAN**
 - c. **ISI + HURAIAN + CONTOH**
6. **INGAT !!!**, jadikan sebahagian soalan sebagai permulaan jawapan anda.
7. **INGAT !!!!!**, jumlah jawapan mestilah ikut jumlah markah. Jadi..... kalau 8 markah, mesti tulis 8 jawapan. **FAHAM Yeeeeeee.....!!!!**

**KATA KUNCI NILAI UNIVERSAL KURIKULUM STANDARD
PENDIDIKAN MORAL SEKOLAH MENENGAH**

Bil	Nilai	Kata kunci nilai
1	Kepercayaan kepada Tuhan 信奉上帝	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
2	Bertanggungjawab 负责任	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
3	Berdikari 自立	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.
4	Harga Diri 自尊	Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan.
5	Kerajinan 勤勉	Usaha yang berterusan bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
6	Berterima kasih 感谢	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
7	Patriotisme 爱国	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
8	Kebebasan 自由	Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang.
9	Keberanian 勇敢	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
10	Kejujuran 诚实	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
11	Rasional 理智	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
12	Baik hati 好心 / 善良	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri, dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
13	Hemah Tinggi 崇高的品德	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.
14	Hormat 尊敬	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan insitisi sosial.
15	Kasih Sayang 仁爱	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
16	Kerjasama 合作	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
17	Kesederhanaan 中庸之道	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
18	Toleransi 互相忍让 / 容忍	Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup.

LAGU SEKOLAH Pengerang Utama

[Saya minta izin gunakan lagu SMKPU sebagai contoh – saya CnP dari internet]

SMKPU kami sanjung

Membaja **CITA** nan berkembang

Menambah **ILMU** membimbing diri

Menjadi **INSAN YANG TERBILANG**

SMKPU **BERDEDIKASI**

Membakar **CITA** nan **GEMILANG**

Berarah tuju dan **BERWAWASAN**

MODAL INSAN BERPENDIDIKAN

BERILMU BERAKHLAK BERJAYA

BERJUANG mengejar **CITA**

BERKREATIVITI dan **BERINOVASI**

Bersama mengekal **JATI DIRI**

BERILMU BERAKHLAK BERJAYA

Pahatkan di dalam jiwa

DISIPLIN AGAMA PATUH BERSAMA

Moga jaya di hadapan kita

RUKUN NEGARA

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

P E S A

POLITIK

Sistem pemerintahan / Pentadbiran /
Birokrasi / Imperialisme / Nasionalisme /
Patriotisme / Kerajaan / Raja / Pembesar /
Undang-undang / Perlembagaan /
Kemerdekaan / Kedaulatan

EKONOMI

Kemajuan / Kemerosotan / Perdagangan /
Pertanian / Perusahaan / Perlombongan /
Bahan mentah / Cukai / Mata wang / Tanah

SOSIAL

Pendidikan / Ilmu pengetahuan / Kesihatan /
Pengangkutan / Seni bina / Perpaduan / Cara
hidup / Adat resam / Bahasa / Taraf hidup /
Bangsa / Kemudahan awam

AGAMA

Taat / Baik / Nilai murni

LAGU NEGERI MELAKA

[Saya minta izin gunakan lagu negeri Melaka sebagai contoh]

Melaka negeri bersejarah

Tempat tumpah darah kita

Dijunjung dengan sepenuh jiwa

Untuk **MAJU** dan **JAYA**

RAKYAT Melaka sudah **BERSATU-PADU**

Berikrar **TAAT SETIA**

JUJUR berkhidmat setiap masa

Melaka **MAJU JAYA**

CONTOH CARA MENJAWAB SOALAN KBAT - SPM 2019**SOALAN 2(c) - KBAT**Bagaimanakah **gaya hidup masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam?**

[4 markah]



Gaya hidup masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam ialah mereka **PERCAYA KEPADA TUHAN** iaitu Allah. Mereka juga utamakan **ILMU** dalam hidup. Mereka juga semakin **PATUH AGAMA**. Malahan mereka juga hidup **BERSATU-PADU**. **[4 isi]**

SOALAN 4(c) - KBAT

Mengapakah **British tidak menyerahkan kuasa eksekutif (kuasa pentadbiran) kepada rakyat tempatan Tanah Melayu**? Berikan penjelasan berdasarkan pengetahuan sejarah anda. [4 markah]

British tidak menyerahkan kuasa eksekutif (kuasa pentadbiran) kepada rakyat tempatan Tanah Melayu kerana mereka ingin terus menguasai **POLITIK** Tanah Melayu. Mereka mahu kukuhkan **IMPERIALISME** di Tanah Melayu. Mereka juga mahu terus menguasai **EKONOMI** di Tanah Melayu. Contohnya ialah **PERLOMBONGAN** bijih timah.

SOALAN 5(c) - KBAT

Huraikan **impak (kesan) hijrah Nabi Muhammad SAW terhadap tamadun dunia**. Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan anda. [8 markah]

Impak (kesan) hijrah Nabi Muhammad SAW terhadap tamadun dunia ialah wujudnya masyarakat yang **BERILMU**. Selain itu, masyarakat Islam juga semakin kukuh **AGAMA** mereka. Mereka juga hidup dengan **BERSATU-PADU**. Masyarakat Islam juga mempunyai **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN** yang esa. Malahan wujud **PERLEMBAGAAN** di Madinah. Secara tidak langsung, mereka patuh pada **UNDANG-UNDANG**. Cara hidup yang **SOPAN** dan **SUSILA** diamalkan. Penduduk Madinah juga **TAAT SETIA** kepada pemimpin.

SOALAN 7(c) - KBAT

Sejauh manakah **semangat inkuiri (ingin tahu) penting dalam kehidupan manusia sepanjang zaman**? [8 markah]

Semangat inkuiri (ingin tahu) penting dalam kehidupan manusia sepanjang zaman kerana semangat ini membolehkan manusia menjadi **INSAN YANG TERBILANG**. Semangat ini menjadikan manusia berusaha untuk mencari **ILMU**. Dengan ilmu yang ada, mereka akan menjadi lebih **BERDEDIKASI**. Mereka juga akan menjadi lebih **KREATIF**. Malahan juga akan begitu **INOVATIF**. Manusia juga akan menjadi lebih **BERDISIPLIN** untuk mencapai **WAWASAN**. Semangat ini juga membolehkan mereka menjadi **MAJU JAYA**. Contohnya ialah kemajuan dalam **EKONOMI**. Selain itu juga maju dari segi **SOSIAL**.

SOALAN 8(c) – KBAT

“Nasionalisme Teras Perpaduan” adalah tema hari kebangsaan negara kita yang ke-28. Bagaimanakah **nasionalisme boleh memperkukuh perpaduan rakyat?** [8 markah]

Nasionalisme boleh memperkukuh perpaduan rakyat kerana rakyat akan **TAAT SETIA** kepada Raja. Mereka juga akan **TAAT SETIA** kepada negara. Sikap setia ini menjadikan mereka hidup **BERSATU-PADU**. Oleh itu negara akan menjadi lebih **GEMILANG**. Negara yang gemilang menjadikan rakyat hidup dengan **BERDISIPLIN**. Ini menjadikan aspek **SOSIAL** negara kita akan meningkat. Contohnya ialah peningkatan dari segi **TARAF HIDUP**. Taraf hidup yang tinggi menjadikan rakyat mempunyai **JATI DIRI** yang hebat. Oleh itu rakyat akan hidup **BERSAMA** dan wujudlah perpaduan dalam negara.

SOALAN 9(c) - KBAT

Beri **cadangan anda untuk menjadikan Persekutuan Malaysia terus cemerlang dan gemilang.** [8 markah]

Cadangan saya untuk menjadikan Persekutuan Malaysia terus cemerlang dan gemilang ialah kita mestilah mempunyai **POLITIK** yang stabil. **KERAJAAN** harus cekap dalam pemerintahan. **UNDANG-UNDANG** harus dipatuhi oleh semua pihak. Kerajaan persekutuan dengan negeri harus **BERSATU-PADU**. Mesti wujud **INSAN YANG TERBILANG** dalam negara. Semua pihak harus **TAAT SETIA** kepada raja. Malahan juga perlu **TAAT SETIA** kepada negara. Kemajuan **EKONOMI** juga harus seimbang. Contohnya ialah memajukan bidang **PERUSAHAAN** di semua negeri.

SOALAN 10(c) – KBAT

Mengapakah **matlamat untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja penting kepada negara?** [8 markah]

Matlamat untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja penting kepada negara kerana ini dapat menjamin negara yang **MAJU DAN JAYA**. Kestabilan **POLITIK** juga akan wujud dalam negara. Ini membolehkan **PEMBANGUNAN** negara berlaku secara berterusan. Rakyat juga akan hidup **BERSATU-PADU**. Seterusnya mewujudkan kehidupan yang **GEMILANG**. Selain itu **PEMBANGUNAN INSAN YANG TERBILANG** dapat diwujudkan. Oleh itu akan wujud **RAKYAT** Malaysia yang memenuhi kehendak industri. Ini disebabkan mereka mempunyai **ILMU** pengetahuan yang mantap. Sekali gus menjadikan negara kita cemerlang dari segi **EKONOMI** dan **SOSIAL**.

SOALAN 11(c) – KBAT

Kerajaan telah mempromosikan penggunaan TMK dan melancarkan MSC untuk menghadapi globalisasi. Bagaimanakah **langkah kerajaan tersebut boleh memberikan manfaat kepada negara dalam era globalisasi?** [8 markah]

Langkah kerajaan tersebut boleh memberikan manfaat kepada negara dalam era globalisasi kerana ia dapat melahirkan masyarakat yang **BERILMU**. Masyarakat yang berilmu akan menjadi lebih **BERDEDIKASI**. Ilmu itu juga menjadikan mereka lebih **KREATIF**. Malahan juga lebih **BERINOVASI**. Oleh itu, mereka akan sentiasa melakukan reka cipta untuk mencipta **keJAYAAan**. Selain itu, langkah ini membolehkan mereka terlibat dalam e-**EKONOMI**. Penglibatan dalam e-ekonomi membolehkan negara **MAJU JAYA**. Sekali gus juga dapat tingkatkan **TARAF HIDUP** rakyat. Malahan kehidupan **SOSIAL** rakyat juga akan menjadi lebih baik. Ini juga menjadikan negara kita lebih **GEMILANG** dan **MAJU**.

CONTOH CARA MENJAWAB SOALAN KBAT – SOALAN LATIHAN**SOALAN 1 - KBAT**

Bagaimanakah tamadun Mesopotamia mampu mencapai kejayaan dalam bidang penciptaan dan teknologi? [4 markah]



Tamadun Mesopotamia mampu mencapai kejayaan dalam bidang penciptaan dan teknologi kerana mereka ialah **RAKYAT** yang hebat. Masyarakat mereka **BERILMU** pengetahuan yang tinggi. Mereka juga sangat **KREATIF**. Malahan, mereka juga sangat **BERINOVASI**. Selain itu, mereka juga **BERSATU-PADU** dalam semua perkara

SOALAN 2 – KBAT

Mengapakah masyarakat tamadun awal mampu menghasilkan seni bina yang hebat? [4 markah]

Masyarakat tamadun awal mempunyai **ILMU** pengetahuan yang tinggi. Mereka juga **BERSAMA** dalam pelbagai bidang. Selain itu, mereka juga sangat **KREATIF**. Mereka juga sangat **INOVATIF**. **RAKYAT** mereka juga sangat **PATUH** kepada pemimpin

SOALAN 3 – KBAT + FAKTA

Pembentukan Persekutuan Malaysia membawa kebaikan kepada negara. Buktikan [4 markah]

Pembentukan Malaysia ialah langkah awal ke arah pembentukan **RAKYAT** yang hebat. Semua pihak telah berusaha untuk mencapai **keJAYAAan** dalam pembentukan tersebut. Kini negara kita stabil dari segi **POLITIK**. Malahan **EKONOMI** kita juga telah meningkat dengan jayanya. Pelbagai pembangunan **SOSIAL** telah dilakukan di seluruh negara. Malahan semangat **BERSATU-PADU** juga telah berjaya dibentuk.

SOALAN 4 – KBAT

Undang-undang sangat penting bagi mengawal tingkah laku manusia. Berikan komen anda [8 markah]

Undang-undang adalah asas kepada pembentukan **RAKYAT** yang berjaya. Melalui undang-undang, kita dapat menjayakan **WAWASAN** negara. Selain itu, **CITA-CITA** kita untuk menjadi negara maju akan menjadi lebih mudah. Melalui undang-undang, kita dapat membentuk rakyat yang **BERILMU**. Malahan juga rakyat yang **PATUH AGAMA**. Undang-undang juga membolehkan kita berusaha menjadikan negara lebih **GEMILANG**. Kita juga dapat membentuk **INSAN YANG TERBILANG**. Ini penting untuk menjadikan negara terus **MAJU JAYA**.

SOALAN 5 - KBAT

Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan rakyat mematuhi undang-undang? [8 markah]

Kerajaan dapat memastikan rakyat mematuhi undang-undang dengan memastikan rakyat mendapat **ILMU** pengetahuan yang lengkap. Ilmu penting supaya kita menjadi **RAKYAT** yang hebat. Seterusnya menjadikan mereka **INSAN YANG TERBILANG** kepada negara. Selain itu, kerajaan juga perlulah **KREATIF** membuat pelbagai program. **CONTOH**nya, memberi ilmu agama kepada rakyat. Ini penting supaya mereka lebih **PATUH AGAMA**. Ini menjadikan mereka lebih **SOPAN dan SUSILA**. Malahan mereka juga akan **BERSATU-PADU** dalam semua perkara. Akhirnya mereka akan menjadi rakyat yang **TAAT SETIA** kepada negara yang tercinta.

SOALAN 6 – FAKTA + KBAT

Mengapakah kita perlu mempertahankan negara kita daripada dijajah?

[8 markah]

Kita perlu pertahankan negara kita daripada dijajah kerana kita adalah **RAKYAT** yang setia. Jika kita dijajah, **KEGEMILANGAN** negara akan hancur. **WAWASAN** negara juga tidak akan dicapai. Kita juga akan menjadi **RAKYAT** yang hina. Rakyat juga tidak akan **BERSATU-PADU**. **KEMAJUAN** negara juga akan tergendala. Rakyat juga akan susah mencari **ILMU**. Sifat **SOPAN dan SUSILA** juga mungkin akan hilang.

SOALAN 7 – KBAT

Jelaskan persediaan yang perlu anda lakukan untuk mempertahankan negara kita daripada dijajah?

[8 markah]

Persediaan yang perlu kita lakukan ialah melengkapkan diri dengan **ILMU** pengetahuan. Dengan ilmu kita akan menjadi **RAKYAT** yang dihormati. Ilmu pengetahuan membolehkan kita membawa negara ke arah **KEGEMILANGAN**. Negara juga akan menjadi lebih **MAJU JAYA**. Rakyat juga akan menjadi lebih **KREATIF**. Ditambah pula dengan sikap **INOVASI**, pelbagai kemajuan akan dapat diperolehi. Rakyat juga perlu dikukuhkan pegangan **AGAMA** mereka. **AGAMA** dan **ILMU** menjadikan **RAKYAT** kita **BERSATU-PADU** dalam pelbagai perkara. Secara tidak langsung negara kita akan dihormati dan digeruni oleh negara lain **[HURAIAN]**

SOALAN 8 – KBAT

Sebagai warganegara Malaysia yang baik, kita bertanggungjawab menghargai dan menghormati bendera kebangsaan kita. Sejauh manakah anda dapat melaksanakan tanggungjawab tersebut?

[8 markah]

RAKYAT yang setia akan menghormati bendera kebangsaan. Rakyat yang setia datang daripada orang yang **BERILMU**. Mereka juga selalunya mempunyai pegangan **AGAMA** yang kukuh. Saya akan sentiasa **BERJUANG** mempertahankan bendera kebangsaan di mana-mana sahaja. Bendera ini ialah simbol negara kita yang **MAJU JAYA**. Bendera juga boleh memberi semangat untuk kita mencapai **KEGEMILANGAN**. **CONTOH**nya dalam acara sukan. Ia juga akan menjadi pendorong untuk kita mencipta **keJAYAAan**. Seterusnya menjadikan kita sebagai rakyat yang **BERDEDIKASI dan BERDISIPLIN**

SOALAN 9 – KBAT

Mengapakah Malaysia perlu mengamalkan dasar berkecuali dalam hubungan luarnya? [8 markah]

Dasar berkecuali penting untuk negara kita mencapai **KEGEMILANGAN**. Dasar ini membantu kita **BERSATU-PADU** dengan negara lain. **CONTOH**nya dalam bidang sains dan teknologi. Ini membolehkan kita mencipta pelbagai **keMAJUan**. Seterusnya membolehkan kita melaksanakan pelbagai pembangunan. **MISAL**nya dalam bidang **ILMU** pengetahuan. Ilmu pengetahuan membolehkan kita menjadi **RAKYAT** yang berjaya. Juga sebagai bangsa yang **BERDISIPLIN**. Malahan kita juga akan mencapai kemajuan dalam **POLITIK, EKONOMI dan SOSIAL**.

SOALAN 10 – KBAT

Mengapakah kerajaan memperuntukkan perbelanjaan yang besar dalam sektor kesihatan? [4 markah]

Kerajaan memperuntukkan perbelanjaan yang besar dalam kesihatan kerana ingin menjadikan **RAKYAT** negara kita sihat. Rakyat yang sihat membolehkan kita menjadi **RAKYAT** yang hebat. Rakyat yang hebat menjadikan kita berada dalam landasan **KEGEMILANGAN**. Pelbagai pembangunan dapat dibina untuk rakyat. Ini membolehkan kita menjadi negara yang **MAJU JAYA [HURAIAN]**

SOALAN 11 – KBAT

Adakah media massa masih berperanan menerapkan semangat nasionalisme dalam kalangan generasi muda pada hari ini? Beri pendapat anda. [4 markah]

Ya **[PENDIRIAN]**. Media massa masih berperanan jika mereka lebih utamakan **KEGEMILANGAN** negara. Mereka perlu lebih **KREATIF** dalam isi kandungan mereka. **CONTOH**nya, lebih banyak menyediakan isi kandungan yang bersesuaian dengan kehendak generasi muda. Media massa juga perlu berusaha untuk menarik perhatian golongan muda supaya mempunyai **JATI DIRI** yang hebat.

SOALAN 12 – KBAT

Andaikan anda sebagai seorang pemimpin masyarakat. Kemukakan cadangan untuk memantapkan perpaduan dalam kalangan rakyat. [8 markah]

Jika saya pemimpin masyarakat, saya akan menetapkan **CITA-CITA** yang tinggi dalam isu perpaduan. Saya akan menetapkan **WAWASAN** negara yang utamakan perpaduan bangsa dan negara. Ini kerana perpaduan adalah asas kepada **KEGEMILANGAN** negara. Jika negara tiada perpaduan, kita akan menjadi **RAKYAT** yang berpecah-belah. Saya juga akan utamakan **ILMU** pengetahuan kepada rakyat. Rakyat yang berimu akan **BERSATU-PADU** dalam pelbagai perkara. Saya juga akan menggunakan kaedah yang lebih **KREATIF**. **CONTOH**nya, memberi pelbagai insentif kepada syarikat yang mempunyai pelbagai bangsa.

SOALAN 13 – KBAT

Mampukan Malaysia mengembalikan kegemilangan dalam kegiatan perdagangan antarabangsa? Beri ulasan anda. [4 markah]

Ya, Malaysia mampu **[PENDIRIAN]**. Ini kerana negara kita lengkap dengan pelbagai pembangunan dan prasarana. **CONTOH**ya ialah kemudahan pelabuhan. Selain itu, **RAKYAT** negara kita juga hebat dalam pelbagai bidang. Mereka mempunyai **ILMU** pengetahuan yang tinggi. Mereka juga sangat **KREATIF**. **CONTOH**nya ialah kreatif dalam penghasilan produk baharu. Produk yang kreatif ini boleh dipasarkan ke pelbagai negara **[HURAIAN]**. Ini membolehkan negara kita menjadi tumpuan negara lain. Seterusnya mencipta pelbagai lagi **keJAYAAan**.

SOALAN FOKUS TINGKATAN 4

BAB 1 – TAMADUN AWAL MANUSIA

1 Tamadun Mesir Purba dianggap sebagai “Anugerah Sungai Nil”

- a) Apakah keistimewaan Sungai Nil sehingga membawa kepada pembentukan tamadun Mesir Purba? [2 markah]

FAKTA + LOGIK

- b) Jelaskan sumbangan tamadun Mesir Purba kepada masyarakat dunia yang kekal hingga ke hari ini [4 markah]

FAKTA + LOGIK

- c) Huraikan kualiti masyarakat yang diperlukan untuk membangunkan dan memajukan sesebuah tamadun [4 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

- 2 Petempatan kekal yang wujud dalam tamadun Indus telah membawa kepada pembentukan bandar terancang

a) Namakan **dua** bandar terancang dalam tamadun Indus [2 markah]

FAKTA

b) Jelaskan ciri-ciri bandar terancang dalam tamadun Indus [4 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Pembinaan bandar terancang tamadun Indus memberi idea kepada perancangan bandar moden di Malaysia. Jelaskan pernyataan ini [4 markah]

FAKTA + LOGIK

3 Peta 1 di bawah menunjukkan lokasi Tamadun Mesir Purba

FAKTA + LOGIK

a) Jelaskan proses pembentukan Tamadun Mesir Purba.

[4 markah]

- Seni bina
- Pendidikan
- Ilmu perubatan

FAKTA + LOGIK

b) Tamadun Mesir Purba telah memberi sumbangan dalam bidang berikut. Terangkan sumbangan tersebut. [8 markah]

[8 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

c) Bagaimanakah negara kita dapat dijadikan sebagai pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini? [8 markah]

[8 markah]

[illegible]

BAB 2 – PENINGKATAN TAMADUN

1 Tamadun Hwang Ho berkembang menjadi salah sebuah petempatan berasaskan pertanian bermula sekitar 1800 SM

a) Nyatakan sumbangan tamadun Hwang Ho dalam bidang tersebut [2 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Apakah faktor yang mendorong kepada kemajuan bidang pertanian dalam tamadun tersebut? [4 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Sektor pertanian sangat penting walaupun negara kita menuju ke arah negara maju. Bagaimanakah kita dapat memajukan bidang tersebut? [4 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

2 Peningkatan ekonomi yang berlaku dalam tamadun India dan China bukan sahaja membawa kemajuan kepada mereka malah turut menyumbang kepada perkembangan peradaban manusia hari ini.

FAKTA + LOGIK

a) Mengapakah aktiviti perdagangan dalam tamadun India berkembang pesat pada abad ketiga S.M? [6 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

b) Bagaimanakah tamadun China mencapai kemajuan dalam bidang pertanian?

FAKTA + LOGIK

c) Berdasarkan kegiatan ekonomi tamadun India dan China, pilih satu kegiatan yang sesuai dilaksanakan di negara kita. Beri hujah anda. [8 markah]

A sheet of lined paper with horizontal ruling lines. In the center, there is a large, faint, light gray watermark. The watermark is composed of a stylized 'S' shape that contains a fine grid pattern, and a diagonal line that crosses through the 'S' from the bottom-left towards the top-right. The watermark is semi-transparent, allowing the lines of the paper to be seen through it.

BAB 3 – TAMADUN AWAL ASIA TENGGARA

1. Senarai 1 menunjukkan kerajaan awal di Asia Tenggara.

Kerajaan Agraria
• Sailendra • Sukhotai • Angkor

FAKTA + LOGIK

a) Jelaskan kegiatan ekonomi kerajaan agraria di atas [4 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Tasik Tonle Sap penting kepada kehidupan masyarakat Angkor. Buktikan [8 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Pada pengetahuan sejarah anda, apakah strategi pembangunan pertanian yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memajukan sektor pertanian negara?

[8 markah]

[illegible]

BAB 4 – KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MAKKAH

1. Maklumat berikut berkaitan kehidupan masyarakat jahiliah di Semenanjung Tanah Arab sebelum kedatangan Islam.

Nabi Muhammad SAW bertahanuth (mengasingkan diri kepada Allah) di Gua Hirak dalam usaha untuk mengubah nilai yang dipegang oleh masyarakat Arab di sekelilingnya.

FAKTA + LOGIK

- a) Jelaskan kehidupan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. [6 markah]

FAKTA + LOGIK

- b) Mengapakah perubahan yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. mendapat tentangan daripada orang Arab ketika itu? [6 markah]

Surah Al-Alaq (Ayat 1-5)

Allah memerintahkan umat Islam supaya membaca

LAGU + LAIN-LAIN

- c) Berikut ialah wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW. Apakah kesan daripada turunnya surah tersebut kepada perkembangan tamadun manusia sehingga kini? [8 markah]

[illegible]

BAB 5 – KERAJAAN ISLAM DI MADINAH

1. Petikan di bawah berkaitan dengan peperangan dalam Islam

a) Mengapakah peperangan dibenarkan dalam Islam?

[2 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Jelaskan prinsip yang mesti dipatuhi oleh tentera Islam dalam peperangan

[4 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Bersetujukah anda peperangan pada masa kini menyebabkan berlaku banyak kemusnahan dan kerosakan? Beri alasan anda

[4 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

2. Piagam Madinah menjadi asas pemerintahan kerajaan Islam Madinah yang terdiri daripada masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam.

a) Apakah yang dimaksudkan dengan Piagam Madinah?

[2 markah]

FAKTA

b) Nyatakan isi kandungan Piagam Madinah ?

[4 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Undang-undang penting di dalam pembangunan sesebuah negara. Berikan komen anda. [4 markah]

[4 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

[illegible]

BAB 6 – PEMBENTUKAN KERAJAAN ISLAM DAN SUMBANGANNYA

1. Kerajaan Bani Umayyah telah bermula dari tahun 661 M hingga 1031 M

FAKTA

a) Jelaskan latar belakang pembentukan kerajaan Bani Umayyah? [6 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Terangkan sumbangan kerajaan Bani Umayyah dalam bidang sosial [8 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

c) Bagaimanakah Malaysia boleh menjadi lebih gemilang dalam bidang keilmuan pada masa akan datang [8 markah]

[illegible]

2. Kerajaan Bani Abbasiyah yang diasaskan pada tahun 750 Masihi telah memberi sumbangan yang penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan

FAKTA


a) Bagaimanakah pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah? [6 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Jelaskan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam perkembangan ilmu pengetahuan [6 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Huraikan keberkesanan sistem pendidikan moden dalam memperkukuh perpaduan negara [8 markah]



**BAB 8 – PEMBAHARUAN DAN PENGARUH ISLAM DI MALAYSIA SEBELUM
KEDATANGAN BARAT**

1. Kemunculan Islam telah membawa kesan besar dari aspek kegiatan ekonomi terutamanya penggunaan mata wang dalam urusan perdagangan

a) Nyatakan pengaruh Islam terhadap penggunaan mata wang di Tanah Melayu

[2 markah]

FAKTA + LOGIK

- b) Mengapakah Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang penting pada abad ke-15?

[4 markah]

FAKTA + LOGIK

- c) Cukai penting di dalam pembangunan sesebuah negara. Berikan komen anda

[4 markah]

FAKTA + LOGIK

BAB 10 – DASAR BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA

1. Kedatangan British ke Tanah Melayu pada abad ke-19 telah menyebabkan ekonomi dagangan berkembang pesat dan membawa perubahan terhadap pembangunan infrastruktur dan sosial

FAKTA + LOGIK

- a) Mengapakah British memberi tumpuan kepada kegiatan ekonomi dagangan?

[4 markah]

- Institusi kewangan
- Sistem pengangkutan

FAKTA + LOGIK

- b) Maklumat di atas ialah perubahan yang dilakukan oleh British di Tanah Melayu. Mengapakah British berbuat demikian? [8 markah]

[8 markah]

FAKTA + LOGIK

- c) Sejauh manakah ekonomi dagangan yang dilaksanakan oleh British meninggalkan kesan kepada masyarakat Melayu? [8 markah]

[8 markah]

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. In the upper left quadrant, there is a large, faint, light-grey watermark. The watermark consists of two stylized, overlapping cursive-like shapes that form a monogram or logo. The rest of the page is empty except for the ruling lines.

2. Sebelum kedatangan British, masyarakat Melayu menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi yang dikenali sebagai sari diri dan sehinggalah kedatangan British yang mengubah sistem, bentuk dan aktiviti ekonomi masyarakat tempatan

FAKTA + LOGIK

a) Apakah ciri-ciri sistem ekonomi tradisional dan ekonomi dagangan? [6 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Jelaskan faktor-faktor perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu

[6 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

c) Berikan cadangan anda untuk mempetingkatkan pengeluaran barangan Malaysia ke luar negara [8 markah]

3. Dasar ekonomi penjajah British telah memberi kesan kepada proses pembandaran di Tanah Melayu.

FAKTA + LOGIK

a) Jelaskan faktor pembandaran di Tanah Melayu [6 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Terangkan usaha kerajaan British dalam mempertingkatkan taraf kesihatan di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19 [6 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Apakah langkah-langkah yang patut diambil oleh kerajaan Malaysia dalam mengurangkan penularan wabak penyakit [8 markah]

[illegible]

SOALAN FOKUS TINGKATAN 5**BAB 1 – KEMUNCULAN & PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA**

1. Imperialisme merupakan istilah umum bagi merujuk kepada penjajahan dan penguasaan terhadap negara-negara kecil oleh kuasa-kuasa asing bagi kepentingan ekonomi dan politik

- a) Mengapakah Asia Tenggara menjadi sasaran imperialisme Barat? [3 markah]

FAKTA + LOGIK

- b) Kegiatan imperialisme telah mengubah sistem pentadbiran di Asia Tenggara. Buktikan pernyataan di atas. [3 markah]

FAKTA + LOGIK

- c) Jelaskan persiapan yang perlu kita lakukan untuk mempertahankan negara kita daripada sebarang bentuk penjajahan pada masa hadapan. [4 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

2. Apabila imperialis Barat berjaya menguasai Asia Tenggara, sistem birokrasi Barat telah diperkenalkan bagi menggantikan pemerintahan tradisional.

a) Nyatakan ciri-ciri umum sistem birokrasi Barat di Asia Tenggara [2 markah]

FAKTA

b) Kedatangan imperialis Barat telah melaksanakan banyak perubahan khususnya dalam pentadbiran di Tanah Melayu. Jelaskan perubahan tersebut [4 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Jelaskan kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap sistem pentadbiran di Asia Tenggara. Gunakan pengetahuan sejarah anda [4 markah]

FAKTA + LOGIK

BAB 2 – NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

1. Gerakan nasionalisme di Tanah Melayu merupakan gerakan penentangan terhadap British oleh pemimpin dan rakyat tempatan sejak abad ke-19.

a) Mengapakah pemimpin tempatan menentang British? [2 markah]

FAKTA + LOGIK

Tokoh	Negeri
Tok Janggut	Kelantan
Haji Abdul Rahman Limbong	Terengganu

- b) Bagaimanakah pemimpin tersebut melakukan penentangan terhadap penjajah British ? [4 markah]

FAKTA + LOGIK

- c) Mengapakah semangat menentang penjajah wajar dicontohi oleh generasi muda hari ini? [4 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

2. Akhbar telah memainkan peranan penting dalam membangkitkan isu sosial atau pendidikan, ekonomi dan politik untuk menyemarakkan semangat kebangsaan dalam kalangan bangsa Melayu.

FAKTA

- a) Nyatakan **dua** tokoh wartawan yang terkenal pada tahun 1920-an dan 1930-an di Tanah Melayu [2 markah]

FAKTA

- b) Berikan **dua** nama akhbar yang wujud di Tanah Melayu pada zaman tersebut. [2 markah]

- c) Apakah isu sosial dan pendidikan yang dibangkitkan oleh akhbar ketika itu? [2 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

- d) Pada era kemajuan teknologi maklumat masa kini, adakah akhbar masih relevan digunakan sebagai sumber maklumat? Beri alasan anda [4 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

3. Akhbar dan majalah menjadi saluran penting kepada penulis dan pejuang untuk menyalurkan pendapat mereka pada tahun 1920-an dan 1930-an.

FAKTA + LOGIK

a) Mengapakah penulis dan pejuang memilih akhbar dan majalah sebagai medium perjuangan nasionalisme mereka [6 markah]

[6 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

b) Andaikan anda seorang wartawan akhbar harian tempatan. Apakah tema penulisan yang akan anda nukilkan bagi membuktikan kecintaan anda pada tanah air? [6 markah]

[6 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

c) Bagaimanakah media massa zaman kini dapat memainkan peranan dalam menyemai semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat hari ini.

[8 markah]

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. A large, semi-transparent watermark is centered on the page, consisting of the word "Scanned" above the word "with", which is above "CamScanner". The watermark is oriented diagonally from the top-left towards the bottom-right.

BAB 3 – KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

1. Tokoh-tokoh berikut telah menggunakan amalan **realpolitik** semasa pembentukan negara bangsa di Jerman dan Itali pada abad ke-19.

- Otto Eduard von Bismarck
- Camillo Benso di Cavour

FAKTA + LOGIK

- a) Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan oleh tokoh tersebut untuk menyatukan negara bangsa masing-masing. [4 markah]

FAKTA + LOGIK

- b) Prinsip Islam digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam proses pembinaan negara Islam Madinah. Bincangkan. [4 markah]

FAKTA + LOGIK

- c) Pembinaan negara dan bangsa Malaysia adalah unik kerana tidak menggunakan amalan realpolitik. Nilai pernyataan tersebut. [4 markah]

FAKTA + LOGIK

- d) Buktikan kejayaan yang dicapai hasil daripada pembinaan negara dan bangsa Malaysia [8 markah]

[illegible]

BAB 4 – PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

1. Sarawak telah dipaksa untuk menerima penjajahan British secara mutlak. Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British di London sebagai tanah jajahan mahkota

FAKTA

a) Mengapakah penyerahan tersebut berlaku?

[4 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Apakah tindakan penduduk Sarawak dalam membantah penyerahan tersebut?

[8 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

c) Sebagai tanda bantahan, terhadap penyerahan Sarawak kepada British, Rosli Dhobi telah menikam Sir Duncan Stewart, iaitu Gabenor Sarawak yang baru dilantik semasa beliau melawat Sibn pada 3 Disember 1949. Wajarkah tindakan tersebut? Berikan alasan anda [8 markah]

[8 markah]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. In the center of the page, there is a large, faint, light-grey watermark. The watermark appears to be a stylized logo or graphic, possibly consisting of several curved, overlapping shapes that form a central emblem. The overall appearance is that of a clean, unused piece of stationery or a template page.

BAB 5 – PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

1. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh penduduk di Tanah Melayu untuk menghasilkan pakatan murni bagi menyelesaikan tuntutan kaum yang berbeza-beza.

FAKTA

a) Terangkan usaha penduduk pelbagai kaum mengadakan pakatan murni sehingga tahun 1955 [6 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Penduduk pelbagai kaum di Tanah Melayu telah berjaya mengadakan pakatan murni sehingga mencapai kemerdekaan. Buktikan pernyataan ini [6 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

c) Mengapakah generasi hari ini patut memahami dan mengamalkan konsep kerjasama dan tolak ansur seperti mana terdapat dalam pakatan murni?

[8 markah]

[illegible]

2. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memberikan kemerdekaan mutlak kepada Persekutuan Tanah Melayu.

FAKTA

a) Nyatakan isu penting yang menjadi panduan pembentukan perlembagaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. [4 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Jelaskan kepentingan kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.
[8 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

c) Pada pendapat anda, sebagai warganegara Malaysia bagaimanakah anda dapat mengisi kemerdekaan negara kita. [8 markah]

BAB 6 – PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

1. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memberikan kemerdekaan mutlak sehinggalah kejayaan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963

FAKTA + LOGIK

a) Jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia.

[6 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Huraikan langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia.

[6 markah]

LAGU + LAIN-LAIN


c) Pada pendapat anda, sebagai warganegara yang merdeka, bagaimanakah anda dapat mengisi kebebasan yang dimiliki oleh negara Malaysia pada masa kini.

[8 markah]

[illegible]

BAB 7 – SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

1. Maklumat berikut menunjukkan lambang negara Malaysia.



a) Jelaskan maksud berikut:

- (i) 5 bilah keris pada Jata Negara [1 markah]

FAKTA

- (ii) Warna biru pada Jalur Gemilang [1 markah]

FAKTA

b) Jelaskan kepentingan lambang bagi sesebuah negara. [4 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

c) Sejauh manakah lambang negara dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia? [4 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

2. Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya di Malaysia.

Pilihan Raya Umum diadakan apabila Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan atau terbubar sendiri selepas tamat tempoh 5 tahun.

Sumber : <http://www.spr.gov.my/ms/pilihan-raya/>

FAKTA + LOGIK

a) Jelaskan proses pilihan raya yang dilaksanakan di negara kita. [6 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Mengapakah pilihan raya penting kepada negara kita? [6 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Mengapakah tempoh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Malaysia hanya ditetapkan selama 5 tahun sahaja? [8 markah]

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. A large, light-grey watermark is centered on the page, featuring the word "Scanned" above "with" above "CamScanner". The watermark has a subtle grid pattern. The paper appears to be from a notebook or a standard document template.

3. Perkara 152, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia ialah Bahasa Melayu. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagaimanapun tidak menafikan kedudukan dan hak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan dikembangkan sekalipun dengan menggunakan dana awam

d) Senaraikan **tiga** usaha kerajaan untuk memajukan Bahasa Melayu [3 markah]

FAKTA + LOGIK

e) Mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa kebangsaan? [3 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

f) Apakah yang akan berlaku sekiranya bahasa kebangsaan tidak dimartabatkan? [4 markah]

FAKTA + LOGIK

BAB 8 – PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

1. Menyadari kedudukan ketidakseimbangan sosial ekonomi, kerajaan telah mengusahakan satu pendekatan baru dalam rancangan pembangunan negara yang melibatkan program 20 tahun yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru.

FAKTA + LOGIK

e) Nyatakan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

[4 markah]

FAKTA

f) Terangkan pendekatan dan langkah yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat dasar tersebut. [8 markah]

[8 markah]

FAKTA + LOGIK

g) Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berjaya mengurangkan masalah kemiskinan masyarakat luar bandar. Buktikan [8 markah]

[8 markah]

[illegible]

2. Rajah berikut menunjukkan Dasar-dasar Pembangunan Ekonomi Negara

- Dasar Pensyarikatan
- Dasar Pertanian Negara
- Dasar Kependudukan

FAKTA

a) Apakah matlamat dan rasional pelaksanaan Dasar Kependudukan dalam rancangan pembangunan Malaysia? [4 markah]

FAKTA

b) Bagaimanakah Dasar Pensyarikatan Malaysia dilaksanakan? [8 markah]

FAKTA + LOGIK

c) Huraikan cadangan anda untuk menarik minat generasi muda masa kini untuk membantu dalam meningkatkan produktiviti pertanian negara. [8 markah]

A sheet of lined paper with a large, faint, stylized watermark in the center. The watermark consists of a large, cursive letter 'S' with a checkmark integrated into its upper right curve. The paper has horizontal ruling lines.

BAB 9 – MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

1. Dasar luar Malaysia terbahagi kepada tiga tahap.

FAKTA + LOGIK

a) Jelaskan asas-asas penggubalan dasar luar Malaysia.

[6 markah]

FAKTA + LOGIK

b) Terangkan mengenai dasar luar Malaysia era Tunku Abdul Rahman (1957-1970)

[6 markah]

LAGU + LAIN-LAIN

c) Apakah kepentingan yang diperoleh daripada dasar luar Malaysia? Berikan penjelasan anda [8 markah]

[8 markah]

